



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEPIMPINAN PENGAJARAN DAN PERANAN KETUA  
PANITIA: HUBUNGAN DENGAN BUDAYA KERJA GURU  
TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK MATA  
PELAJARAN PENDIDIKAN SENI  
VISUAL SEKOLAH MENENGAH  
DAERAH SEREMBAN**

**REDZUAN BIN A. AZIZ**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2012**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

24 September 2012



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

REDZUAN BIN A. AZIZ



M20081000022



ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

ICERIIMPINANS PENGAJARAN DAN PERANAN KETUA PANITIA  
HUBUNGAN DENGAN BUDAYA ICERJA GURU

No. Matrik / Matric's No.:

M 2008 10 000 22

Saya / I :

REDZUAN BIN A. AZIZ

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.  
*The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat dari organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.  
*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor  
 Prof. Madya Dr. H. Mond Zainee Arshad  
 & (Nama & Cop Rasmu / Name & Official Stamp)  
 Jabatan Seni

Fakulti Seni, Komputeran &amp; Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan



## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin Nya, kajian ini dapat disiapkan dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W. Jutaan terima kasih kepada semua pensyarah Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif, khasnya kepada penyelia saya Prof Madya Dr. Mohd Zaihidee Arshad yang telah membimbang, memberi nasihat dan dorongan sehingga terhasilnya kajian ini. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada Prof Madya Hariri bin Khamis, dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi dan Dr. Roskang bin Jailani, juga tidak ketinggalan kepada semua pensyarah yang telah banyak mencerahkan ilmu pengetahuan, nasihat dan pedoman kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pengetua dan rakan guru di sekolah yang turut memberikan kerjasama yang baik semasa menyiapkankan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan yang telah membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga buat isteri tercinta dan anak-anak tersayang yang sentiasa berkorban memberikan galakan serta sumbangan, yang telah memberikan kekuatan dan inspirasi untuk menjayakan kajian ini. Kepada semua, jutaan terima kasih atas sumbangan yang diberikan sehingga terhasilnya dokumentasi ilmiah ini.

## ABSTRAK

Fokus utama kajian adalah untuk melihat peranan dan pelaksanaan kepimpinan pengajaran Ketua Panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual melalui deligasi dan empowerman tugas dari pengetua. Kajian juga turut melihat budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual terhadap pencapaian akademik pelajar melalui periksaan SPM. Kajian juga turut melihat perbezaan persepsi guru terhadap peranan dan pelaksanaan kepimpinan pengajaran berdasarkan faktor demografi umur dan jantina. Kerangka kajian diasaskan kepada Model Kepimpinan Pengajaran oleh Snyder(1983) dan budaya sekolah oleh Yaakob (2007). Data diperoleh menerusi soal selidik. Seramai 83orang responden dari 25 buah sekolah menengah harian di Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Data soal selidik dianalisis menggunakan statistic deskriptif dan inferensi menerusi program SPSS-Versi 16. Analisis deskriptif, Ujian-t dan analisis Pekali Kolerasi Pearson dan Ujian ANOVA sehala telah digunakan dalam kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa; (1) Responden bersetuju dengan peranan/tugasan ketua panitia Pendidikan Seni Visual (2) Guru-guru Pendidikan Seni Visual mempunyai tahap dimensi budaya kerja sekolah terhadap ke arah pencapaian akademik pelajar; (3) Tidak terdapat perbezaan di antara faktor demografi dengan peranan/tugasan Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual mengikut jantina dan umur; (4) Tidak terdapat perbezaan di antara faktor demografi (jantina) dengan budaya kerja guru, mengikut dimensi budaya sekolah, dimensi kepimpinan dan dimensi komitmen guru lelaki dengan guru perempuan; (5) Hubungan peranan/tugas Ketua Panitia dengan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual mengikut dimensi budaya sekolah dan kepimpinan, mempunyai hubungan signifikan yang sederhana kuat, Manakala hubungan dimensi komitmen dan fasa pencapaian/penilaian boleh diabaikan; (6) Hubungan di antara kepimpinan pengajaran kurikulum Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual dengan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual mempunyai hubungan yang kuat perkaitannya manakala dimensi komitmen sederhana kuat.(7) Hubungan antara kepimpinan pengajaran Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual dengan pencapaian akademik tidak mempunyai hubungan antara satu dengan yang lain. Berdasarkan hasil dapatan dari kajian beberapa cadangan yang relevan telah diajukan kepada pihak pengurusan iaitu pengetua, ketua panitia, guru-guru dan pelajar ke arah meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

**INSTRUCTIONAL LEADERSHIP AND THE ROLE OF HEAD SUBJECT:  
RELATIONSHIP OF TEACHER'S WORK CULTURE TOWARD  
ACADEMIC ACHIEVEMENT OF VISUAL ARTS SUBJECTS  
AMONG SECONDARY SCHOOL  
IN DISTRICT OF SEREMMBAN**

**ABSTRACT**

The main focus is to assess the implementation and the role of the instructional leadership of head subject of visual arts education through delegation and empowerment work of Principals. The study also reflects the culture of teachers towards the visual arts education and academic achievement through the SPM examination. Study looked at the difference in the perception of teachers in the implementation and the role of instructional leadership based on demographic factor of age and gender. The conceptual framework was based on the instructional leadership model by Snyder (1983) and the school culture by Yaakob (2007). The data was obtained through questionnaires. A total of 83 respondent from 25 secondary school in the district of Seremban, Negeri Sembilan was participate in the study. The questionnaires data was analyzed using descriptive and inferential statistic using SPSS version 16. Statistical analysis of descriptive, t-test and Pearson correlation coefficient analysis was used in this study. Results showed that (1) The respondent agrees with the role or duties of the chief organizers of Visual Arts Education, (2) The teachers of visual art education have good level of teachers' work cultures towards the task of academic achievement, (3) There were no differences between demographic factors and the role or duties of the chief organizers of visual arts education, (4) There were no differences between demographic factors and the teachers' work cultures of male and female teachers, (5) The relationship of role/duties of the chief organizers with the teachers' work cultures of visual arts education based on the dimensions of school culture and leadership have a moderate strong significant association between them, while the relationship between dimension of commitment and phase of performance/evaluation can be ignored (6) There was a strong relationship between instructional leadership of the chief organizers of visual arts education and work culture, but relationship with commitment were moderately strong, (7) There were no relationship between leadership of the chief organizers of visual arts education with academic achievement. Finally some suggestion recommended to the management for teacher and student to improve the achievement in the subjects of visual art education. Based on the findings of the study, several relevant recommendations have been forwarded to the management team include the principal, the head subject of department, teachers and student to wards improve in the achievement of visual arts education.

**KANDUNGAN****Halaman****PENGAKUAN**

i

**PENGHARGAAN****ABSTRAK**

ii

**ABSTRACT**

iii

**SENARAI RAJAH**

viii

**SENARAI JADUAL**

x

**BAB 1 PENGENALANAN**

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	10
1.3 Objektif Kajian	16
1.4 Persoalan Kajian	17
1.5 Hipotesis	18
1.6 Kepentingan kajian	19
1.7 Batasan Kajian	21
1.8 Kerangka Konsep	22
1.9 Definisi istilah	29

**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pendahuluan	32
2.2 Peranan/tugas ketua panitia Pendidikan Seni Visual	33
2.3 Kepimpinan ketua panitia Pendidikan Seni Visual	37
2.3.1 Kepimpinan Pengajaran Ketua panitia Pendidikan Seni Visual	41
2.3.2 Konsep kepimpinan pengajaran ketua panitia mata pelajaran	45
2.3.3 Ketua panitia dalam kepimpinan pengajaran	49

2.4	Budaya kerja	54
2.4.1	Budaya	54
2.4.2	Budaya sekolah	56
2.4.3	Budaya sekolah dan pencapaian	59
2.4.4	Budaya sekolah dan kepimpinan	61
2.4.5	Komitmen organisasi panitia	63
2.4.6	Budaya kerja guru	65

**BAB 3 KAE DAH PENYELIDIDKAN**

3.1	Pendahuluan	70
3.2	Reka bentuk kajian	71
3.3	Populasi dan sampel kajian	73
3.4	Instrumen kajian	74
3.5	Kajian rintis	80
3.6	Pengumpulan data	84
3.7	Ujian Normaliti	85
3.8	Proses analisis data	85
3.9	Analisis data	88
3.10	Pengukuran pencapaian akademik	90

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pendahuluan	93
4.1	Analisis deskriptif latar belakang responden dan sekolah	94
4.1.1	Jantina	94
4.1.2	Umur	95
4.1.3	Lama mengenali ketua panitia	96
4.1.4	Prestasi peperiksaan SPM sekolah sampel	96
4.2	Perbincangan analisis kajian	98
4.2.1	Tahap peranan/tugas ketua panitia Pendidikan Seni Visual	99



4.2.2 Tahap budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual	101
4.2.3 Perbezaan antara faktor demografi jantina dan umur dengan peranan/tugas ketua panitia Pendidikan Seni Visual	102
4.2.3.1 Perbezaan antara faktor demografi umur dengan peranan/tugas ketua panitia Pendidikan Seni Visual	103
4.2.4 Perbezaan antara faktor demografi jantina dengan budaya kerja guru, dimensi budaya sekolah	105
4.2.4.1 Perbezaan faktor demografi jantina dengan budaya kerja guru dalam dimensi komitmen	106
4.2.4.2 Perbezaan faktor demografi jantina dengan dimensi budaya kerja guru dalam dimensi kepimpinan	107
4.2.5 Hubungan antara peranan/tugas ketua panitia Pendidikan Seni Visual dengan budaya kerja guru -guru Pendidikan Seni Visual	108
4.2.6 Hubungan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia Pendidikan Seni Visual dengan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual	110
4.2.7 Hubungan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia Pendidikan Seni Visual dengan pencapaian akademik	112
4.3 Rumusan kajian	114
4.4 Kesimpulan kajian	115
Laporan analisis deskriptif	115
4.4.1 Laporan Ujian-t	116
4.4.2 Laporan Ujian ANOVA	116
4.4.3 Laporan Ujian Kolerasi Pearson	116

## BAB 5 PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Pendahuluan	118
-------------	-----





5.1	Ringkasan dapatan kajian	119
5.2	Perbincangan hasil kajian	121
5.2.1	Tahap peranan/tugas ketua panitia Pendidikan Seni Visual	113
5.2.2	Tahap budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual	123
5.2.3	Perbezaan antara faktor demografi jantina dan umur dengan peranan/tugas ketua panitia Pendidikan Seni Visual	126
5.2.4	Perbezaan antara faktor demografi jantina dengan Budaya kerja Guru-guru Pendidikan Seni Visual dalam dimensi budaya sekolah, komitmen dan kepimpinan	129
5.2.5	Hubungan antara peranan/tugas ketua panitia dengan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual	134
5.2.6	Hubungan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia Pendidikan Seni Visual dengan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual	140
5.2.7	Hubungan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia Pendidikan Seni Visual dengan pencapaian akademik	148
5.3	Implikasi dan cadangan kajian	156
5.3.1	Pihak Pengurusan sekolah	156
5.3.2	Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual	158
5.3.3	Guru-guru	160
5.3.4	Pelajar Sekolah	164
5.4	Cadangan kajian selanjutnya	167
5.5	Rumusan	168
	RUJUKAN	173





## LAMPIRAN

A	Carta organisasi Kedudukan Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual	185
B	Set Soal Selidik	186
C	Statistik Ujian Nomaliti dan Graf Histogram ketua panitia Pendidikan Seni Visual	190
D	Graf histogram dan budaya kerja	191
E	Graf histogram dan dimensi Kepimpinan Pengajaran	192
F	Surat kelulusan menjalankan kajian- Kementerian Pelajaran Malaysia bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	193
G	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian - Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan	194
H	Surat Kebenaran Mendapat Maklumat Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual - Lembaga Peperiksaan Malaysia	196





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
1.1 Hubungan kepimpinan pengajaran ketua panitia dan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual	23
1.2 Model Snyder (1983) kepimpinan Pengajaran Kurikulum	25
1.3 Model Quinn (1988) “Competing Value Framework”	27
1.4 Model Budaya sekolah dan Pencapaian Organisasi oleh Yaakob Daud (2007)	28



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
1.1 Pencapaian calon Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual peringkat negeri dan Kebangsaan tahun 2006-2009	15
3.0 Pengiraan Krejcie dan Morgan (1970)	74
3.1 Taburan item peranan ketua panitia Pendidikan Seni Visual	79
3.2 Taburan item kepimpinan pengajaran ketua panitia Pendidikan Seni Visual	80
3.3 Taburan item budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual	80
3.4 Keputusan Kajian Ujian Rintis	82
3.5 Keterangan Nilai Pengertian Kolerasi Davis (1971)	87
3.6 Tahap Kecenderungan Landell (1997)	89
3.7 Bilangan pencapaian calon dalam peperiksaan SPM dalam Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual 2009	91
3.8 Gred Purata pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM 2009 Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual	91
4.1 Taburan bilangan dan peratusan respon mengikut jantina	95
4.2 Taburan bilangan guru mengikut umur	95
4.3 Lama mengenali ketua panitia	96
4.4 Prestasi Sijil Pelajaran Malaysia 2007-2009 sekolah sample	97
4.5 Nilai min tahap peranan/tugas Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual	99
4.6 Tahap budaya kerja guru- Pendidikan Seni Visual	101
4.7 Perbandingan peranan/tugas ketua panitia dengan faktor demografi jantina	102
4.8 Perbandingan peranan ketua panitia dengan faktor demografi umur	103
4.9 Perbandingan faktor demografi jantina dengan dimensi budaya sekolah	105





4.10	Perbezaan faktor demografi jantina dengan dimensi budaya kerja guru dalam daam dimensi komitmen	106
4.11	Perbezaan faktor demografi jantina dengan dimensi budaya kerja Guru dalam dimensi kepimpinan	107
4.12	Pekali kolerasi peranan ketua panitia dengan budaya kerja guru	108
4.13	Pekali kolerasi kepimpinan pengajaran kurikulum ketua panitia dengan budaya kerja guru	110
4.14	Pekali kolerasi kepimpinan pengajaran kurikulum ketua panitia Pendidikan seni Visual dengan pencapaian akademik pelajar	114



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar belakang kajian

Sebelum Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diperkenalkan, mata pelajaran Pendidikan Seni Visual meliputi aktiviti melukis dan mencorak. Mata pelajaran Pendidikan Seni KBSM tidak semata-mata difokuskan kepada dua kemahiran ini sahaja. Isi kandungannya diperluas merangkumi asas seni reka, organisasi rekaan serta pemahaman dan apresiasi seni. Kini, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni dilaksanakan secara integratif dengan haluan dan penerapan nilai dilakukan berpaksikan unsur keindahan budaya Malaysia. (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000).



Perkembangan dan perubahan dunia semasa, serta keperluan dalam pembangunan negara kita menjadikan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual adalah relevan pada masa kini. Masyarakat harus sedar bahawa memberi pendidikan kepada anak-anak mereka bukan setakat belajar menerima ilmu dan kemahiran Matematik, Sains dan Teknologi sahaja. Pendidikan yang diterima oleh semua pelajar, bertujuan bagi membangunkan potensi menyeluruh anak-anak mereka secara optimum, bukan sebagai menjurus kepada mata pelajaran utama tetapi juga kepada mata pelajaran pelengkap yang lain termasuk mata pelajaran kesenian ( Iberahim Hassan, 2006).

Menurut Steveni (1967), kesenian adalah satu penghuraian imaginasi terhadap sesuatu perasaan atau emosi yang terangsang yang melibatkan kreativiti. Seni lengkap dengan rancangan pengajaran dan pembelajaran (Fieldman, 1970). Dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, pengajarannya melibatkan kreativiti. Menurut Mc Fee (1977) kreativiti adalah satu kebolehan mencipta simbol. Apabila dikaitkan dengan Pendidikan Seni Visual, kreativiti bermaksud kebolehan seseorang pelajar membuat pemerhatian, penerokaan dan penemuan dalam proses penyediaan folio, lukisan, catan, cetakan, logo dan kraf tradisional. Kesimpulannya Pendidikan Seni Visual dirumuskan sebagai satu gambaran hasil seni yang merangsangkan melibatkan emosi. Di sekolah Pendidikan Seni Visual diajarkan secara terancang dan melibatkan kreativiti pelajar.

Pihak kerajaan telah berkerjasama dengan pihak swasta sama ada di dalam dan di luar negara untuk mewujudkan sistem pendidikan yang lebih seimbang terutamanya untuk mengembangkan subjek kesenian. Ibu bapa tidak





boleh terlalu ghairah mengejar kecemerlangan anak-anak mereka melalui subjek seperti Sains, Ekonomi dan Matematik tanpa mengambil kira sumbangan dan nilai ekonomi ilmu kesenian kepada tamadun manusia. Di Eropah dan Amerika Syarikat, mereka bukan sahaja pakar dalam bidang tersebut tetapi mereka juga mempunyai jiwa seni tersendiri. Kita perlu menganggap para graduan kesenian kita sebagai diplomat tamadun negara ini dalam gabungan bidang Seni, Matematik dan Sains di peringkat dunia (Rais Yatim, 2010).

Matlamat Pendidikan Seni Visual ialah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Kurikulum Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah, merangkumi perkara yang berkaitan dengan seni halus, komunikasi visual, reka bentuk dan kraf tradisional. Pelajar di ajar secara teori dan amali, berkenaan asas-asas rekaan seperti unsur-unsur seni, struktur rekaan, prinsip-prinsip rekaan dan kritikan. Dalam pelajaran amali pelajar akan diajar menghasilkan lukisan, cetakan, reka bentuk grafik, multimedia, rekabentuk persekitaran, hiasan dalaman, batik dan sebagainya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dipandang mudah dan menjadi mata pelajaran elektif bagi pelajar peringkat menengah atas dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Guru pula menghadapi masalah berkaitan dengan minat dan persepsi pelajar serta persepsi ibu bapa terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni untuk anak mereka (Kementerian Pelajaran Malaysia. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2000). Namun





begitu mata pelajaran seni tetap mendapat sambutan dalam kalangan pelajar, khususnya pelajar yang berminat dan bercadang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti dalam bidang kesenian.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia prestasi pelajar diukur melalui peperiksaan utama (umum) kebangsaan utama yang ditadbir secara berpusat seperti peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pemilihan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual oleh pelajar dalam Peperiksaan SPM adalah sebagai syarat untuk membolehkan pelajar melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi khususnya dalam bidang-bidang yang relevan seperti bidang yang memerlukan kemahiran melukis dan kreativiti yang tinggi seperti senibina, pereka, tenaga pengajar dalam seni dan sebagainya. Terdapat banyak universiti yang menawarkan kursus-kursus yang memerlukan kemahiran dalam bidang ini (Ibrahim Hassan, 2006).



Oleh itu, ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual berperanan sebagai pelaksana kurikulum mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan berperanan menjalankan tugas-tugas sebagai pemimpin pengajaran di peringkat panitianya. Keberkesanannya sekolah mempunyai kaitan dengan pelaksanaan tugas-tugas ini. Menurut Smylie dan Danny (1990) sebagai pemimpin dalam kumpulannya, ketua panitia haruslah memiliki ciri-ciri kepimpinan yang diperlukan dalam kumpulannya bagi mempengaruhi orang bawahannya untuk mencapai sesuatu matlamat.

Sebagai pemimpin, ketua panitia berperanan besar dalam membantu dan menyokong guru-guru dalam menjalankan tugas-tugasnya untuk





mempertingkatkan pencapaian pengajaran dalam bilik darjah. Ketua panitia juga berperanan memperbaiki amalan pengajaran tersebut seperti pemudahcara, pembantu, pemangkin, sumber sokongan emosi, mentadbir program dan menilai guru-guru. (Smylie dan Danny 1990).

Menurut Cawelti (1980), pemimpin pengajaran memerlukan kemahiran dan penglibatan secara aktif dalam empat aspek utama bagi memajukan pengajaran. Aspek-aspek tersebut ialah kurikulum, penyeliaan secara klinikal, perkembangan staf dan penilaian guru. Peranan ketua panitia selain menjalankan tugas penyeliaan, bimbingan, mencerap dan menilai pengajaran guru-guru, juga memberi kebebasan idea kepada guru-guru supaya mereka lebih kreatif, mendapatkan maklum balas ahli-ahli panitia mengenai perkembangan kemajuan pengajaran serta mengembangkan kurikulum daripada rancangan pelajaran dan strategik pelaksanaannya.



Ketua panitia haruslah seorang yang berpengetahuan, berpengalaman dan berkemahiran sebagai pemimpin pengajaran. Struktur dan organisasi panitia mata pelajaran adalah berpandukan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1986: Menyatakan panitia mata pelajaran sekolah harus berperanan dan berfungsi. Ketua panitia yang dilantik harus berdasarkan kekananan. Implikasinya ialah ketua panitia adalah seorang guru yang mahir dalam pengurusan akademik dan mampu memimpin rakan-rakan guru yang mengajar subjek yang sama dengannya. Antara lain tugas ketua panitia adalah:

- i. Menyediakan minit mesyuarat (PKPA Bil. 2/1991)
- ii. Memperoleh sukatan pelajaran dan huraihan Sukatan Pelajaran terkini





- iii. Menyelaras penyediaan rancangan pengajaran tahunan dan harian
- iv. Menguruskan program perkembangan staf
- v. Mengadakan mesyuarat berpandukan surat pekeliling yang berkuat kuasa
- vi. Mengatur perjumpaan atau mesyuarat dengan ahli-ahli panitia.

Mewujudkan semangat saling berkerjasama dan menjalin hubungan kerja untuk memikirkan dan membincangkan masalah-masalah dan isu-isu berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran serta mencari penyelesaian kepada masalah-masalah dan isu-isu tersebut.

Dengan ini jelaslah bahawa peranan ketua panitia amat luas bukan setakat menguruskan panitia mata pelajaran, tetapi mereka juga bertanggungjawab kepada pengetua. Ketua panitia juga bertanggungjawab kepada guru penolong kanan terhadap hal yang berkaitan perancangan, pengelolaan dan perlaksanaan program panitia mata pelajaran berkenaan di sekolah (Lampiran B). Tugasan mereka bukan sahaja melibatkan hubungan dengan pihak pengurusan sekolah dan hubungan dengan guru-guru lain, tetapi juga dengan pentadbiran sekolah yang lain seperti hal berkaitan dengan pusat sumber, perpustakaan, setiausaha peperiksaan dan sebagainya.

Bagi melaksanakan tugas-tugas tersebut, ketua panitia harus mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan ahli-ahli panitia yang lain bagi mencapai matlamat ke arah kecemerlangan pencapaian serta mewujudkan budaya organisasi dalam kalangan panitianya dengan cukup berpengaruh dan berkesan dalam panitia tersebut. Menurut Robbins dan Coutlar (1996), budaya berorganisasi iaitu satu sistem bermakna yang boleh dikongsi bersama di





dalam organisasi untuk menentukan cara peraturan pekerja dikuatkuasakan.

Oleh itu dapat dinyatakan organisasi wujud apabila suatu kerjasama yang sistematis berlaku antara dua atau lebih pihak bagi mencapai matlamat organisasi, bagi membolehkan ketua panitia mencapai matlamat. Sudah tentu agak sukar bagi ketua panitia mencapai matlamat secara perseorangan. Namun begitu secara keseluruhannya bagi perjalanan organisasi, ketua panitialah yang sebenarnya bertanggungjawab terhadap proses ‘synergy’ organisasi dalam mengolah input bagi menghasilkan output secara maksimum.

Brown (1998) menyatakan budaya adalah corak kepercayaan, nilai dan cara-cara dipelajari bersama pengalaman, yang dialami semasa bersama organisasi. Hal ini ditunjukkan dengan jelas sebagai penentu dalam tindakan dan kelakuan ahli-ahlinya. Menurut Alauddin (2004) dalam penghayatan budaya kerja cemerlang, organisasi dapat menghasilkan manusia pekerja yang menjalankan tugas dengan penuh komitmen, azam, kesetiaan, bekerjasama dan bersepadu. Amalan yang negatif dapat dihindarkan menerusi budaya organisasi cemerlang dan perlakuan positif dapat dipertingkatkan bagi membolehkan organisasi bergerak lancar dalam mencapai matlamat. Budaya kerja positif mendorong ke arah kejayaan organisasi yang dikenali sebagai budaya organisasi. Budaya organisasi boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk amalan, perlakuan dan tindakan yang disepakat dan dihayati bersama oleh semua pekerja dalam sesuatu organisasi.

Menurut Dorfman dan House (2004) dalam kajiannya menjelaskan bahawa budaya berupaya mempengaruhi kepimpinan dalam pelbagai aspek. Antaranya ialah prasyarat untuk menjadi pemimpin, keistimewaan, kuasa,





peranan, keutamaan dan tindak balas pengikut terhadap perbezaan gaya kepimpinan. Ciri-ciri kepimpinan yang disenangi oleh pengikut menunjukkan ada kaitan dengan ciri-ciri budaya.

Pencapaian dan perbezaan pencapaian pelajar ada kaitannya dengan sekolah. Coleman et al. (1966) melaporkan bahawa pengaruh sekolah berkaitan dengan pelajar itu sendiri, perwatakan guru, latar belakang pendidikan ibu bapa dan aspirasi pelajar. Bagi memastikan pencapaian cemerlang pelajar dalam pelajaran, mereka mestilah berminat dengan mata pelajaran tersebut. Iberahim Hassan (2000) dalam eseи pilihan Seni Visual dan Muzik, menjelaskan pelajar perlu dimotivasikan sehingga mereka berminat. Sukar untuk menjayakan sesuatu pelajaran seni, sekiranya pelajar kurang berminat. Apabila pelajar benar-benar memahami mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, maka akan timbul rasa minat, seterusnya bilangan pelajar yang mencapai peringkat cemerlang dalam peperiksaan akan bertambah.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual membolehkan pelajar melibatkan diri dengan kerjaya yang melibatkan bidang Seni Visual. Guru adalah penyebar ilmu dalam akademik dan menyebar kerjaya yang boleh diceburi oleh pelajar (Fleming dalam Mei Shun, 2001). Antara peluang kerjaya dalam bidang Pendidikan Seni Visual ialah sebagai tenaga pengajar, pengiat kraftangan, penghasilan bidang grafik, penghasilan pakaian, batik, barang kemas, seramik dan sebagainya. Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan mata pelajaran elektif di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Namun begitu mata pelajaran Pendidikan Seni Visual juga mampu memberi persediaan awal kemasukan pelajar ke university, khususnya bagi bidang-





bidang yang relevan yang memerlukan kemahiran melukis dan kreativiti yang tinggi. Tambahan pula jika mata pelajaran ini digabungkan dalam bidang sains dan teknologi (Iberahim Hassan, 2006).

Sejarah telah membuktikan bahawa pada zaman Renaissance, seni telah menyumbang dalam bidang lain seperti bidang Matematik, Fizik dan Anatomi. Pada zaman tersebut lahir beberapa tokoh yang terkenal dan disegani. Antaranya ialah pelukis Leonardo Da Vinci. Beliau bukan sahaja terkenal sebagai seorang pelukis, malahan beliau juga adalah seorang arkitek dan juga saintis yang tersohor (Mohd Zonaidie, 2001).





## 1.2 Pernyataan Masalah

Menyedari perubahan-perubahan di sekolah hanya akan berjaya dengan adanya kepimpinan pengajaran maka pada tahun 1992, Kementerian Pendidikan memperkenalkan kursus-kursus pengurusan kepimpinan pengajaran kepada pengetua sekolah bagi merealisasikan kandungan Falsafah Pendidikan Negara. Memandangkan pentingnya kepimpinan sekolah, maka timbulah beberapa teori kepimpinan pengajaran. Kepimpinan pengajaran bertujuan meningkatkan pencapaian mata pelajaran dalam sistem pembelajaran.

Kepimpinan pengajaran sangat penting dalam organisasi sekolah kerana “*core business*” sekolah ialah pengajaran dan pembelajaran. Gaya kepimpinan pengajaran mempunyai kesan bukan sahaja dari segi komitmen, kepuasan dan efektif guru tetapi juga kepada peningkatan akademik pelajar (Zulkapilly, 2002).



Pendidikan Seni Visual ialah salah satu mata pelajaran yang diajar di sekolah seperti mana yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan. Penubuhan panitia adalah untuk membaiki dan meningkatkan mutu dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di samping itu juga bagi membaiki prestasi pelajar dalam peperiksaan. Melalui panitia dapat mewujudkan semangat bekerjasama di antara ahli panitia mata pelajaran dan menjadi medan untuk guru-guru mencari penyelesaian masalah pembelajaran, motivasi, sikap dan tabiat belajar pelajar.

Di sekolah, ahli dalam sesebuah jabatan mata pelajaran terdiri daripada ketua bidang, ketua panitia dan guru-guru mata pelajaran. Jawatankuasa



akademik sekolah selalu menjalankan kerja mengikut panitia masing-masing. Panitia dalam jabatan perlu saling berkerjasama dalam satu pasukan untuk membangunkan mata pelajaran dan meningkatkan mutu pendidikan sekolah. Sesebuah panitia itu perlukan budaya kerja pasukan, kerana itu adalah cara mereka bekerja.

Dalam usaha menjalankan tugas pentadbiran sebagai pemimpin sesuatu organisasi, seseorang ketua panitia mata pelajaran perlu memahami bidang tugas serta memiliki kemahiran tertentu, terutama sekali yang berkaitan dengan kemahiran memimpin dan mengurus. Selain itu mereka harus punyai kepakaran dan pengetahuan yang mendalam dalam setiap aspek tugas yang ditentukan dan perlu dilaksanakan berdasarkan senarai tugas yang di sediakan oleh kementerian Pelajaran Malaysia.

Menurut dapatan kajian yang dijalankan oleh Loh Kok Cheng (2008) ketua panitia menghadapi beberapa isu yang berkaitan dengan kepimpinan, khususnya urusan interpersonal dengan ahli panitia, seperti tidak mendapat sokongan dan kerjasama dari mereka. Selain itu, ketua panitia tidak mempunyai ketahanan diri untuk mengelak dari dipengaruhi oleh perasaan dan komitmen negatif dari rakan-rakan sejawat. Mereka juga tiada keberanian mengambil risiko dan tiada ketahanan diri. Menurut pengkaji kepimpinan, Urban (2006) sifat keberanian itu perlu dimiliki pada seseorang pemimpin dengan konsisten.

Selain itu juga timbul rungutan daripada beberapa orang guru bahawa ketua panitia Pendidikan Seni Visual di sekolah masing-masing tidak



mempunyai pengalaman memimpin kerana masih muda dan baru berkhidmat. Oleh itu keupayaan yang mereka miliki sebagai seseorang ketua panitia disesebuah sekolah, dari segi pengetahuan, keupayaan dan kemahiran mungkin masih menjadi persoalan. Peranan mereka amat penting kerana bidang tersebut menentukan kualiti dan pencapaian sistem pendidikan secara menyeluruh. Sikap ketua panitia Pendidikan Seni Visual terhadap guru juga akan menentukan bentuk tindakannya samada berbentuk positif atau negatif. Perlantikan ketua panitia yang baru berkhidmat dilantik menjadi ketua panitia. Ada pro dan kontra antara yang dilantik mempunyai kelayakan yang minimum. Sesetengahnya baru memiliki pengalaman mengajar selama empat atau lima tahun. Tambahan pula terdapat guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran tersebut. Hal sedemikian menimbulkan masalah kepada guru-guru bukan opsyen untuk merujuk sesuatu masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini seolah-olah jawatan ketua panitia tidak mempunyai kredibiliti (Mohd. Azizi, 1998). Dalam hal melaksanakan hal kepimpinan pengajaran mereka perlu tahu merancang, melaksana dan menilai pencapaian sesuatu program yang dirancang.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap peranan/tugas dan, kepimpinan pengajaran ketua panitia serta tahap budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Ketua panitia harus dapat memainkan peranan masing-masing sebagai pemimpin ikhtisas dalam pelaksana pengurusan kurikulum sekolah masing-masing. Mereka harus berkeupayaan merancang





melaksana, mengawal dan menilai apa juga program kurikulum diperingkat sekolah. Mereka sepatutnya berupaya memberi pandangan, panduan dan bimbingan profesional kepada ahli panitia.

Dalam panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual kerja berpasukan diperluka. Setiap ketua panitia mereka perlu mempunyai rasa tanggungjawab untuk memajukan organisasi sekolah dengan merancang dan melaksana pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan mata pelajaran. Mereka perlu bekerjasama, saling percaya mempercayai bagi melaksana keberkesanan kerja berpasukan. Kerja berpasukan merupakan satu dimensi yang boleh menyumbang ke arah peningkatan kualiti pendidikan. Menurut Hadyman and Mc Donnel (1996) pasukan efektif terdiri daripada dua atau lebih individu yang mempunyai matlamat khusus untuk dicapai dan semua ahli terlibat secara aktif untuk meralasasikan matlamat secara usahasama. Kerja berpasukan di sekolah terutama dalam kalangan ketua bidang dan ketua panitia akan menentukan keberkesanan jabatan berkenaan, seterusnya menyumbang ke arah peningkatan kualiti kerja dan kualiti pendidikan dalam kalangan guru serta memberi kepuasan kerja kepada mereka.

Peranan dan tanggungjawab guru menjadi semakin berat dan mencabar para guru yang diamanahkan untuk memastikan perkembangan menyeluruh pelajar, mendidik pelajar serta menyemai dan mengasah bakat mereka agar lahir satu generasi masa depan yang dapat memenuhi matlamat negara. Guru-guru pula perlu bertindak sebagai pelaksana kurikulum yang digubal dan menjadi agen inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Maksudnya guru hendaklah berkemahiran menyampaikan pengajaran kepada pelajar



dengan pelbagai kebolehan. Oleh itu diharapkan guru dapat menyampaikan isi kandungan pelajaran Pendidikan Seni Visual dan pelajar dapat menerimanya. Hasil pemantauan pihak Jabatan Pelajaran Negeri ke sekolah-sekolah didapati proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah kurang memuaskan. Panitia-penitia tidak menitik beratka kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sepatutnya diajar kepada murid.

Sejauh manakah peranan/tugas dan amalan pengajaran kurikulum yang berkesan dan cemerlang telah dilaksanakan oleh ketua penitia Pendidikan Seni Visual di sekolah-sekolah di daerah Seremban, Negeri Sembilan.? Untuk mengetahuinya, perlu ada satu sistem pengesanan dan pengawalan untuk mengukur keberkesanannya dan akauntabiliti pengurusan kurikulum yang diamalkan oleh ketua penitia di sekolah-sekolah. Adalah diharapkan, dengan dapatan kajian ini nanti boleh dijadikan garis panduan untuk tindakan-tindakan tertentu bagi meningkatkan lagi mutu pengurusan kurikulum terutamanya di sekolah-sekolah yang masih rendah mutu pengajaran kurikulumnya.

Antara isu yang sering dibincangkan oleh pendidik ialah adakah sistem pengurusan kurikulum yang cemerlang dan berkesan boleh mempengaruhi pencapaian akademik sesebuah sekolah dalam peperiksaan awam?. Berdasarkan laporan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di Negeri Sembilan didapati pencapaian peringkat negeri dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual mengatasi pencapaian peringkat kebangsaan dari tahun 2006 hingga tahun 2009. Antara alasan yang sering didengar ialah sekolah-sekolah yang cemerlang telah mengamalkan budaya pengurusan kurikulum yang berkesan. Pengkaji ingin meninjau sejauh manakah kebenaran isu ini.



Bagaimana budaya pengurusan kurikulum dan budaya kerja dapat menghasilkan kecemerlangan akademik sekolah-sekolah di Negeri Sembilan, khususnya di daerah Seremban. Ini adalah diantara persoalan yang ingin dikaji oleh penyelidik.

**Jadual 1.1 :Pencapaian calon mata pelajaran Pendidikan Seni Visua Peringkat negeri dan kebangsaan dari tahun 2006-2009**

Tahun	Negeri	Kebangsaan
2006	97.4%	96.4%
2007	97.8%	96.5%
2008	98.4%	97.1%
2009	99.0%	97.8%

**Sumber: Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia 2011**



Merujuk kepada sistem pengurusan panitia mata pelajaran, adalah dipercayai bahawa kesinambungan pencapaian sesuatu mata pelajaran dalam peperiksaan awam sedikit sebanyak dipengaruhi oleh usaha-usaha ketua panitia tersebut dalam melaksanakan aktiviti kepimpinan pengajaran terutama yang ada kaitan dengan peningkatan prestasi peperiksaan Justeru, kajian ini memfokus kepada peranan dan kepimpinan pengajaran ketua panitia dan budaya kerja guru terhadap pencapaian akademik pelajar.





### 1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau hubungan peranan/tugas kepimpinan pengajaran ketua panitia Pendidikan Seni Visual dan budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual terhadap pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan SPM daripada perspektif guru-guru Pendidikan Seni Visual.

Tujuan khusus kajian ini;

1. Menentukan peranan dan tahap kerja pasukan panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.
2. Menentukan perbezaan yang signifikan antara faktor demografi dengan peranan ketua panitia Pendidikan Seni Visual
3. Menentukan hubungan antara peranan ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual
4. Menentukan hubungan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia Pendidikan Seni Visual dengan pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan.





#### 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan pada objektif kajian beberapa persoalan kajian cuba dijawab bagi mengetahui dengan lebih mendalam dan cuba mencari jawapan kepada tajuk kajian ini, iaitu apakah hubungan peranan dan kepimpinan pengajaran ketua panitia Pendidikan Seni Visual dan budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual di daerah Seremban?. Untuk itu beberapa persoalan kajian perlu dijawab antaranya ialah;

1. Apakah tahap peranan ketua panitia Pendidikan Seni Visual?
2. Apakah tahap budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual?
3. Adakah wujud perbezaan yang signifikan antara faktor demografi dengan peranan/tugas ketua panitia Pendidikan Seni Visual?
4. Adakah wujud perbezaan yang signifikan antara faktor demografi dengan budaya kerja. ?
5. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara peranan ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual ?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual ?
7. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan pencapaian akademik?





## 1.5 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, lima hipotesis telah dibina untuk diujji bagi menjawab persoalan kajian. Hipotesis-hipotesis tersebut ialah:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor demografi responden dengan peranan ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor demografi dengan budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual
- Ho3 Tidak terdapat hubungan signifikan antara peranan ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual
- Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dengan budaya kerja guru-guru Pendidikan Seni Visual
- Ho5 Tidak terdapat hubungan signifikan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia dengan pencapaian akademik mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.





## 1.6 Kepentingan kajian

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual diambil mudah. Kini pihak kerajaan telah mengambil langkah serius, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim (*Utusan Malaysia*, 8 Oktober 2010) menyatakan bahawa, pihak kerajaan akan bekerjasama dengan pihak swasta di dalam dan di luar negeri untuk mewujudkan sistem pendidikan yang lebih seimbang terutama untuk mengembangkan subjek kesenian. Adalah diharapkan pihak pengurusan meneliti semula pelaksanaan mata pelajaran ini di sekolah.

Melalui kajian ini, diharapkan pengetua dan pihak pengurusan sekolah dapat mengetahui masalah yang dihadapi oleh ketua panitia Pendidikan Seni Visual dalam menguruskan tugas hakiki dan kepimpinan pengajaran Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual. Oleh itu pengkaji berminat untuk mengkaji tajuk hubungan kepimpinan pengajaran ketua panitia dan budaya kerja guru ke arah pencapaian akademik pendidikan Seni Visual. Setakat ini belum ada lagi kajian tentang kepimpinan pengajaran ketua panitia dan budaya kerja dalam kalangan guru Pendidikan Seni Visual dijalankan.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengadakan beberapa program di sekolah untuk meningkatkan lagi pencapaian pelajar ke arah kecemerlangan. Segala dasar dan perancangan yang telah dirangka diserahkan kepada guru-guru untuk dilaksanakan di sekolah. Tambahan pula menjadi sekolah yang berkesan telah menjadi agenda penting dalam memenuhi perkembangan ilmu pendidikan dan keperluan negara. Banyak peruntukan dibelanjakan untuk menjayakan program-program pendidikan yang telah dilaksanakan di sekolah





termasuklah program mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Oleh itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia inginkan maklumat balas dan dapatkan daripada rancangan yang telah dirangka dan yang dilaksanakan oleh guru-guru di sekolah.

Ketua panitia mata pelajaran memikul bebanan tugas menyelia pelaksanaan program panitia masing-masing, membuat analisis dan membuat laporan. Ketua Panitia tidak diberi perhatian dari segi ganjaran. Walaupun tugas-tugasnya tidak kurang berat berbanding dengan tugas-tugas ketua bidang yang merupakan jawatan kenaikan pangkat. Oleh itu, kajian ini penting didedahkan terutama kepada Kementerian Pelajaran Malaysia agar kedudukan jawatan dan bebanan tugas ketua panitia mata pelajaran dapat diperbaiki dalam sistem pentadbiran organisasi pendidikan sekolah-sekolah di Malaysia.



Kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada Pegawai Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri dalam merangka pelaksanaan program-program untuk dijalankan di sekolah-sekolah pada masa akan datang seperti latihan dalam perkhidmatan peringkat daerah, bengkel, mesyuarat dan sebagainya.

Di sekolah pula, kajian ini penting bagi pengetua menilai semula cara pelantikan guru sebagai ketua panitia mata pelajaran dan mempertimbangkan masalah atau kekangan yang dihadapi oleh ketua panitia dalam agihan tugas-tugas lain kepada mereka untuk dilaksanakan di samping menjalankan tugas hakiki mereka.





### 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada persepsi guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, tidak termasuk ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah di daerah Seremban. Fokus kajian ialah hubungan kepimpinan pengajaran ketua panitia dan budaya kerja guru terhadap pencapaian akademik, di sekolah harian biasa. Sebanyak 30 buah sekolah terlibat dalam kajian ini. Bilangan responden ialah seramai 83 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian ini melibatkan sekolah harian biasa yang menawarkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, tidak melibatkan sekolah aliran teknik, sekolah berasrama penuh dan sekolah aliran agama.



## 1.8 Kerangka konsep

Terdapat banyak teori dan model yang menerangkan tentang peranan kepimpinan pengajaran. Sebagai pemimpin pengajaran atau pelaksanaan kurikulum. Dalam kajian hubungan kepimpinan pengajaran ketua panitia Pendidikan Seni Visual dan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual terhadap pencapaian akademik pelajar, pengkaji mengadaptasikan teori kepimpinan pengajaran kurikulum Model Snyder (1983) dan teori budaya sekolah kerangka Model Quinn, “Competing Value Framework” (1988) yang seterusnya dibangunkan oleh Yaakob Daud (2007).

Pengkaji menggunakan teori ini sebagai dasar kajian. Dalam kajian kepimpinan pengajaran Snyder (1983) telah menggariskan tiga dimensi utama kepimpinan pengajaran iaitu fasa 1 perancangan, fasa 2 perkembangan dan fasa 3 pencapaian/penilaian. Manakala budaya kerja guru, pengkaji menggunakan kerangka model Quinn (1988) iaitu ‘Competing Values Framework’ yang terdiri daripada 4 dimensi yang menggambarkan nilai dalam budaya sekolah; dimensi hubungan kemanusiaan, sistem terbuka, matlamat rasional dan proses dalaman. Seterusnya model ini dibangunkan oleh Yaakob Daud (2007) dalam kajiannya bertajuk budaya sekolah rendah: hubungan dengan kepimpinan, komitmen dan pencapaian organisasi.

Dalam kajian ini pengkaji ingin meninjau hubungan antara kepimpinan pengajaran ketua panitia dan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual di sekolah terhadap pencapaian akademik Pendidikan Seni Visual pelajar. Adakah terdapat hubungan antara dua pemboleh ubah kepimpinan pengajaran



ketua panitia dengan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual di sekolah terhadap pencapaian akademik pelajar memandangkan dalam keputusan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil

Pelajaran Malaysia selama empat tahun berturut-turut menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Didapati pencapaian di peringkat negeri mengatasi pencapaian di peringkat kebangsaan.


Pemboleh ubah bebas

(IV)

Peranan/tugas  
Ketua panitia

Pembolehubah bersandar

(DV)



Rajah 1.1 Tajuk: Hubungan kepimpinan pengajaran ketua panitia dan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual.

Sumber: Diubah suai berdasarkan kepimpinan pengajaran kurikulum Model Snyder(1983) dan Budaya sekolah Quinn (1988) yang dibangunkan oleh Yaakob Daud (2007).

Rajah 1.1, di atas mengambarkan kerangka konsep hubungan kepimpinan pengajaran ketua panitia dan budaya kerja guru Pendidikan Seni





Visual ke arah pencapaian akademik pelajar. Kajian menerangkan pemboleh ubah tugas/peranan mempengaruhi budaya kerja guru dan pencapaian akademik pelajar. Kepimpinan pengajaran yang dijalankan oleh pemimpin pengajaran pengetua, ketua bidang dan ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual mempengaruhi atau dipengaruhi oleh budaya kerja guru-guru di sekolah. Pengetua menggunakan empowerman dan delegasi tugas bagi meningkatkan keefisienannya. Setiap staf yang dideligasikan ini mempunyai kemahiran dalam merancang sesuatu aktiviti atau program dan memastikan aras bekerja dalam satu pasukan. Tingkahlaku seperti ini secara tidak langsung akan menentukan pencapaian akademik pelajar.

Budaya kerja ialah cara kerja yang berdasarkan pada sistem nilai yang dipegang oleh setiap kakitangan dalam organisasi. Nilai ialah sesuatu yang dipegang dan diterima oleh masyarakat dalam organisasi sama ada positif atau negatif. Yang baik diterima ,yang tidak baik ditolak. Budaya kerja memerlukan pemimpin yang berkualiti bagi menerajui organisasi ketahap yang dibanggakan. Budaya sekolah di pengaruhi oleh komitmen. Komitmen sebagai peletakan keutamaan yang tinggi terhadap tugas dan kerjaya seseorang. Menurut Slancik (1977) komitmen terhadap kerja wujud apabila pekerja meletakkan keutamaan terhadap tugas dan kerjayanya kerana minat, pengkhususan dan kepakaran dalam kerjaya tersebut. komitmen kerja adalah sikap yang penting dalam menggerakkan pekerja (Lapierre, 2005).

Kepimpinan pengajaran pengetua yang dideligasikan kepada ketua panitia mata pelajaran akan menentukan pencapaian akademik pelajar melalui fasa Perancangan, fasa Perkembangan seterusnya fasa Pencapaian/penilaian .





Oleh sebab pemimpin pengajaran pengetua dan ketua panitia saling berkait rapat dalam pengajaran, maka budaya kerja positif harus diwujudkan, secara tak langsung akan mempengaruhi pencapaian pelajar.

### 1.8.1 Teori kepimpinan pengajaran kurikulum Model Snyder (1983)

Teori kepimpinan pengajaran kurikulum oleh Snyder (1983) mengariskan kurikulum dalam tiga bahagian mengikut fasa-fasa iaitu fasa perancangan, fasa perkembangan dan fasa pencapaian/penilaian seperti dalam rajah 1.2 iaitu kepimpinan pengajaran kurikulum dalam tiga fasa.

Fasa 1

Fasa 2

fasa 3

<b>Perancangan</b>	<b>Perkembangan</b>	<b>Pencapaian /penilaian</b>
<b>Perancangan</b> -Menentukan matlamat -Menubuhkan kumpulan bertindak -Membuat perbincangan individu	<b>Perkembangan</b> -Penyeliaan klinikal -Perkembangsa staf -Perkembangan kurikulum -Pengurusan prestasi -Pengurusan sumber pembelajaran	<b>Pencapaian /penilaian</b> -Membuat perancangan Semula -Menilai keberkesanannya -Menilai prestasi staf/pelajar/kumpulan -Menyediakan laporan

#### Tajuk : Kepimpinan pengajaran kurikulum Rajah 1.2.Kepimpinan pengajaran Model Snyder (1983)

Menurut model ini, pengajaran adalah satu daripada kurikulum yang merangkumi 12 fungsi atau ciri kepimpinan pengajaran yang di pecahkan kepada tiga dimensi kepimpinan pengajaran iaitu perancangan, perkembangan dan pencapaian/penilaian .



Pemimpin pengajaran atau pengurus kurikulum perlu membuat perancangan dengan (1) menentukan matlamat atau tujuan sekolah melalui visi dan misinya. Kemudian pemimpin pengajaran atau pengurus kurikulum perlu (2) menubuhkan kumpulan bertindak dalam kalangan ahli panitia mata pelajaran yang dianggotai oleh setiap guru yang mengajar mata pelajaran berkenaan dengan mengadakan perbincangan dalam kalangan ahli panitia dalam mesyuarat panitia.


Dalam aspek perkembangan pelaksanaan kurikulum dalam menentukan matlamat sekolah, pengetua, guru kanan kurikulum, ketua bidang dan ketua panitia mata pelajaran (4) mengurus sumber (5) perkembangan kurikulum dengan (6) penyeliaan klinikal (7) perkembangan profesion staf, (8) perkembangan prestasi pelajar dan pengurusan sumber pembelajaran adalah proses-proses dalam fasa ini yang harus dipraktikkan secara berkala oleh pemimpin kurikulum sekolah untuk mencapai matlamat kurikulum seperti yang digariskan terdahulunya.

Fasa pencapaian atau penilaian menekankan kepada membuat perancangan semula. Selain itu juga dilakukan (9) penilaian keberkesanan (10) prestasi staf, (11) pelajar dan (12) menyediakan pelaporan. Di sekolah pusingan proses adalah dalam satu tempoh masa atau tahun dengan indikator utama yang dinilai ialah keputusan peperiksaan pelajar. Penilaian dilakukan apabila diumumkan sesuatu keputusan peperiksaan sama ada keputusan dalaman, peperiksaan akhir tahun atau peperiksaan awam untuk penilaian di peringkat proses pertengahan.



### 1.8.2 Teori budaya sekolah

Teori budaya sekolah Kerangka Nilai Pesaing yang dikemukakan oleh Quinn (1988), mengandungi empat dimensi hubungan kemanusiaan, sistem terbuka, matlamat rasional dan proses dalaman. Dimensi-dimensi ini berperanan dalam kejayaan organisasi khususnya di sekolah.



Rajah 1.3 : Kerangka Model Quinn (1988)

Tajuk : “Competing Value Framework”




Teori Budaya Sekolah di atas menerangkan hubungan kemanusiaan (1) dalam sesebuah organisasi yang berkesan menekankan pada sifat fleksibaliti dengan organisasi yang menekankan arahan dan kawalan. Organisasi yang dianggap berkesan jika berupaya menyesuaikan kapada perubahan situasi (2) sistem terbuka dimana terdapat perbezaan antara orientasi luaran dan dalaman. Kesepaduan orientasi yang afektif jika mempunyai perwatakan harmoni. Perkara yang dinilai oleh masyarakat dalam pencapaian organisasi meliputi kedua-dua dimensi ini iaitu hubungan kemanusiaan dan sistem terbuka. Empat kriteria ini nilai teras pertimbangan yang dibuat terhadap organisasi (3) dimensi matlamat model persaing menggambarkan pendekatan organisasi kepada pencapaian matlamat yang dikenal pasti. Dimensi ini hampir sama dengan dimensi proses dalaman apabila organisasi di kawal dengan rasional





untuk mencapai matlamat yang dikenal pasti.(4) Proses dalaman merujuk kepada perspektif birokratik yang berkesan sekiranya tindakan yang dibuat dikenal pasti dengan jelas dan diselaras dengan cekap melalui sistem komunikasi yang jelas. Dengan itu pengurusan maklumat sangat penting ke arah mencapai matlamat organisasi.

Seterusnya model ini dibangunkan oleh Yaakob Daud (2007) dalam kajiannya ke atas budaya sekolah rendah: Hubungan dengan kepimpinan, komitmen organisasi dan pencapaian akademik. didapati juga wujudnya budaya sekolah ke arah pencapaian organisasi berdasarkan budaya sekolah oleh Quinn (1988), kepimpinan, komitmen dan pencapaian organisasi. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan model ini, dalam kajiannya yang melibatkan dimensi budaya sekolah, kepimpinan dan komitmen dan pencapaian organisasi ke arah pencapaian akademik pelajar.



Rajah 1.4 : Model Budaya Sekolah dan Pencapaian Organisasi Yang Dibangunkan Oleh Yaakob Daud (2007)





## 1.9 Definisi Istilah

### 1.9.1 Hubungan

Perkaitan antara dua boleh ubah iaitu kepimpinan pengajaran dan budaya kerja guru Pendidikan Seni Visual terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

### 1.9.2 Kepimpinan

Dalam kajian ini, kepemimpinan guru dikaitkan dengan melihat kepimpinan guru sebagai himpunan kemahiran yang ada pada seseorang guru iaitu selain daripada mengajar, juga mempunyai pengaruh yang diperluaskan ke luar bilik darjahnya, sama ada di dalam atau di luar sekolah. Kepimpinan guru ini menggerakkan guru-guru lain bagi meningkatkan prestasi sekolah, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini wujud bukan kerana guru itu merupakan ketua organisasi (seperti dalam kes pengetua) tetapi disebabkan guru tersebut mempunyai kepakaran dan kebolehan serta mampu mempengaruhi rakan sejawat lain (Danielson, 2006:12).

### 1.9.3 Kepimpinan pengajaran (kepimpinan instruksional)

Segala usaha yang merangkumi aktiviti pertolongan dan bantuan yang dilakukan oleh ketua panitia mata pelajaran dalam mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran untuk kecemerlangan akademik, melibatkan



pengajaran guru dan pembelajaran murid. Sergiovanni (1984), Kepimpinan pengajaran adalah merujuk kepada kepimpinan dalam suatu bidang khusus seperti dalam suatu disiplin atau mata pelajaran. Hal sedemikian bererti kepimpinan pengajaran memberi tumpuan bagi seseorang pemimpin terhadap bidang kepakarannya.

#### **1.9.4 Ketua panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual**

Guru yang dilantik oleh pengetua menjadi ketua dalam menguruskan panitia mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah. Mereka dilantik berdasarkan kelayakan akademik, pengalaman mengajar, prestasi kerja, sifat-sifat kepimpinan dan minat guru tersebut. (Jemaah Nazir, Kementerian Pelajaran Malaysia 1991) Tugas berdasarkan Surat pekeliling Ikhtisas Ketua Panitia. Bil.4/1986 oleh Jemaah Nazir Persekutuan.

#### **1.9.5 Budaya kerja**

Merujuk pada cara kerja yang berdasarkan pada satu sistem nilai yang diamalkan oleh kakitangan dalam organisasi. Budaya kerja menjadi kebiasaan atau tradisi. Nilai ialah sesuatu yang dipegang dan diterima oleh pekerja dalam sesuatu organisasi dan memerlukan pemimpin yang berkualiti bagi menerajui organisasi ke satu tahap yang dibanggakan. Budaya kerja mampu mewujudkan suasana kerja yang selesa dan sistematik berupaya menyumbang kepada peningkatan kualiti produktiviti kerja.

### **1.9.6 Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual**

Pendidikan Seni Visual merupakan mata pelajaran teras bagi peringkat menengah rendah tetapi tidak termasuk dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pada peringkat menengah atas, mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran elektif yang terdapat di dalam kumpulan 1 (Kemanusiaan ).

### **1.9.7 Pencapaian Akademik**

Merujuk keada pencapaian pelajar tingkatan lima sekolah harian biasa yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia setiap tahun.